

Jangan ambil kesempatan lemahkan pimpinan Melayu

SHAH ALAM 31 Okt. - Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib meminta pihak tertentu agar tidak mengambil kesempatan terhadap kontroversi yang melanda Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelabuhan Klang, Datuk Zakaria Md. Deros untuk melemahkan kepimpinan Melayu.

Muhammad berkata, ahli Majlis Perbandaran Kelang (MPK) itu memang melakukan kesalahan tetapi beliau melihat ada pihak yang cuba memanjangkan perkara tersebut.

"Pada pandangan saya, pihak yang mempergunakan isu Zakaria mempunyai matlamat yang tidak baik.

"Kalau nak dikira di kawasan MPK ini ada kira-kira 400 kilang haram. Apakah kita pejam sebelah mata sahaja.

"Apakah kita seolah-olah nak menunjukkan kelemahan pimpinan Melayu atas satu kesalahan ini.

"Walhal ada banyak lagi yang lebih korup, kebun-kebum sayur haram yang bertabur, kelab malam dan karaoke haram. Semua itu tidak dijadikan isu," ujarnya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Aidilfitri di kediamannya, di sini petang ini.

Menurutnya, ada sesetengah pihak juga cuba melemahkan Zakaria secara psikologi dengan mengungkit kisahnya yang pernah menjadi pengangkat pagar kere-tapi.

"Zakaria memang salah tetapi untuk terus menyerang seolah-olah nak tunjuk kelemahan dan serang kerajaan negeri.

"Sekarang dah nampak macam satu pes-ta untuk menyerang hingga buat tunjuk perasaan seolah kilang haram yang ada

400 itu belakabaijarnya lagi.

Mengulas pandangan Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai wakil rakyat tidak harus memegang jawatan ahli majlis di daerah atau perbandaran kerana ia boleh menjejaskan tumpuan mereka dalam menjalankan tugas membela masyarakat berikutan kontroversi yang melanda Zakaria, beliau berkata, perkara itu boleh dipertimbangkan pada masa hadapan.

"Pada masa sekarang keputusan telah pun dibuat dan kerajaan negeri telah memutuskan mereka yang menjadi ahli majlis.

"Tetapi episod yang telah berlaku ini boleh menimbulkan satu pemikiran semula pada masa depan," ujar beliau.

Ketika diminta pandangan peribadi beliau berkaitan perkara sama, Muhammad berkata, perkara itu ada kebaikan dan keburukannya.

Dari segi kebaikannya kata beliau, mungkin wakil rakyat itu dapat menumpukan tugasnya menjaga kawasannya tetapi dari segi lain jika semua wakil rakyat bukan ahli majlis mungkin akan timbul percanggahan dari segi pendapat antara wakil rakyat dan ahli majlis.

"Pada masa-masa yang lepas ada perimbangan antara wakil rakyat dan ahli majlis dan nampaknya proses ini berjalan dengan baik.

"Jika perkara ini diubah mungkin kesan lain pula akan timbul dan masalah mungkin tidak akan selesai.

"Jadi cadangan saya mungkin boleh ditetapkan jawatan ahli majlis ini dipilih setengah dari kalangan wakil rakyat dan setengah lagi dari kalangan ahli profesional," tambah beliau.